



USIM

PENGUMUMAN

KEPADA SEMUA BAKAL GRADUAN

MAJLIS KONVOKESYEN KE-19 USIM

Universiti Sains Islam Malaysia telah bersetuju supaya Majlis Konvokesyen Ke-19 USIM yang dijadualkan pada **23-30 November 2021** dilaksanakan secara fizikal dengan pematuhan kepada SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Bakal graduan diminta melayari laman sesawang Majlis Konvokesyen Ke-19 USIM melalui alamat konvo.usim.edu.my bagi merujuk maklumat terperinci berkaitan Majlis Konvokesyen Ke-19 USIM mulai pada **27 September 2021**.

Bakal graduan juga diminta merujuk kepada sidang yang terlibat sebagaimana di **Lampiran A** dan memastikan pengesahan kehadiran bakal graduan dibuat melalui portal *Istudent* pada menu *graduation attendance confirmation*. Semua bakal graduan wajib mengesahkan kehadiran dan sekiranya mengesahkan **HADIR**, bakal graduan perlu mencetak slip pengesahan kehadiran bagi tujuan bukti kehadiran semasa hari Konvokesyen. Sistem Pengesahan Kehadiran Graduan ini akan dibuka mulai pada **15 Oktober 2021 hingga 22 November 2021**.

Semua bakal graduan perlu mematuhi SOP seperti yang telah ditetapkan sebagaimana di **Lampiran B**.

Semua bakal graduan juga diminta menyelesaikan semua hutang-hutang (yuran pengajian dan denda) sebelum Hari Peminjaman Jubah Konvokesyen yang dijadualkan diadakan pada **13 hingga 16 November 2021**. Bakal graduan perlu melengkapkan Borang *Clearance* Semakan Hutang bagi tujuan pengesahan tiada hutang dimana borang ini boleh diakses di laman sesawang Majlis Konvokesyen Ke-19 USIM.

Graduan Sarjana Muda yang mempunyai sebarang kemusykilan sila berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Akademik di talian 06-798 6298 /8144/06-797 8610 atau e-mel kepada bpa@usim.edu.my.

Graduan Siswazah (Doktor Falsafah, Sarjana dan Diploma Siswazah) yang mempunyai sebarang kemusykilan sila berhubung terus dengan Pusat Pengajian Siswazah di talian 06-797 8648/8639.

Sekian, Harap Maklum.

“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Pengurusan Akademik
Universiti Sains Islam Malaysia**

Lampiran A : Jadual Sidang Majlis Konvokesyen Ke-19 USIM

TARIKH	PERKARA/ SIDANG	FAKULTI	PROGRAM
23 Nov 2021 (Selasa)	Sidang 1 -	Majlis Perisytiharan Konvokesyen Ke-19 USIM	
		Siswazah	Semua program Doktor Falsafah, Sarjana dan Diploma Siswazah
24 Nov 2021 (Rabu)	Sidang 2	FPSK	Sarjana Muda Perubatan dan Surgery (QM00)
		FPg	Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (QD00)
		FKAB	1. Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian (QK86) 2. Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian (QH00)
		FPBU	1. Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian (QB05)
25 Nov 2021 (Khamis)	Sidang 3	FEM	1. Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian (QE02). 2. Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian (QE06). 3. Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam dengan Kepujian (QE23) 4. Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian (QP21)
26 Nov 2021 (Jumaat)	Sidang 4	FEM & FPQS	1. Sarjana Muda Pentadbiran dan Hubungan Korporat dengan Kepujian (QP49) 2. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian (QI05) 3. Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian (QI10)
27 Nov 2021 (Sabtu)	Sidang 5	FPQS & FKP	1. Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian (QI11). 2. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian secara kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (QIDQ) 3. Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian (QA02) 4. Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian (QA19). 5. Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Kepujian (QI13)
28 Nov 2021 (Ahad)	Sidang 6	FKP & FST	1. Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian (QI07) 2. Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu dengan Kepujian (QP57) 3. Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) (QC13) 4. Sarjana Mjuda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) (QG00)
29 Nov 2021 (Isnin)	Sidang 7	FST	1. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) (QG07) 2. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dengan Pengurusan Risiko) (QS10) 3. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri) (QS21) 4. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan) (QS43)
30 Nov 2021 (Selasa)	Sidang 8	FSU	1. Sarjana Muda Undang-undang dan Syariah dengan Kepujian (QL04) 2. Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian (QI08)

Lampiran B : Standard Operating Procedure (SOP) bagi tujuan menghadiri

Majlis Konvokesyen Ke-19 USIM

1. Semua bakal graduan dan 2 tetamu jemputan (ibubapa/penjaga) yang hadir mestilah telah **lengkap divaksin dengan 2 dos dan telah mencapai tempoh lengkap vaksinasi**. Tempoh lengkap vaksinasi mengikut jenis vaksin adalah seperti berikut:

BIL	JENIS VAKSIN	JUMLAH DOS	TEMPOH LENGKAP
1.	Pfizer – Biontech	2 Dos	14 hari
2.	Sinovac	2 Dos	14 hari
3.	Astrazeneca	2 Dos	14 hari
4.	Cansino	1 Dos	28 hari
5.	Lain-lain	1 atau 2 Dos bergantung pada jenis vaksin	Tempoh lengkap seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)/World Health Organization (WHO)

2. Semua graduan dari luar negara perlu mematuhi **tempoh kuarantin** dan **mematuhi semua prosedur kemasukan** ke Malaysia seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
3. Semua bakal graduan diwajibkan membuat **SARINGAN KESIHATAN** (*Health screening*) melalui portal *Istudent*. Bakal graduan perlu mencetak Slip Saringan Kesihatan tersebut dan menyerahkan kepada Pegawai bertugas di kaunter pendaftaran semasa Hari Konvokesyen berlangsung.
4. Semua bakal graduan dan tetamu wajib memakai **2 pelitup separuh muka (double mask)** iaitu pelitup separuh muka jenis fabrik dan pelitup muka jenis 3 lapis (3 *ply*) seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
5. Bakal graduan dan tetamu perlu menunjukkan **sijil vaksinasi digital pada aplikasi MySejahtera** di Pos Pengawal Pintu Masuk Utama USIM. Hanya bakal graduan dan tetamu yang mencapai tempoh lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke dalam kampus. Bakal graduan juga perlu menunjukkan keputusan saringan kesihatan di Pos Pengawal pintu masuk utama USIM.
6. Bakal graduan dan tetamu perlu **mengimbas kehadiran melalui aplikasi MySejahtera** sebelum masuk ke Dewan Tuanku Canselor. Kod Bar MySejahtera akan ditampal disemua pintu masuk dewan. Bakal graduan dan tetamu yang mempunyai status seperti berikut tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan:
- 6.1 Kes yang disahkan.
 - 6.2 Kes suspek.
 - 6.3 Kontak Rapat.
 - 6.4 Individu dalam pemantauan.
7. Semua bakal graduan perlu **melapor diri di Kaunter Pendaftaran** pada pintu Masuk A/B Dewan Tuanku Canselor. Petugas akan memeriksa status MySejahtera bakal graduan. Sekiranya didapati graduan belum mencapai tempoh lengkap vaksinasi, graduan **TIDAK** dibenarkan masuk ke dalam dewan. Bakal graduan yang sudah mencapai tempoh lengkap vaksinasi akan diperiksa suhu badan sebelum masuk ke ruang utama dewan. Bakal graduan yang dikesan mempunyai suhu melebihi 37.5°C **TIDAK** akan dibenarkan masuk ke dalam dewan.
8. Semua tetamu (ibubapa/penjaga) akan memasuki dewan melalui pada pintu Masuk A/B Dewan Tuanku Canselor. Petugas akan memeriksa status MySejahtera tetamu. Sekiranya didapati tetamu belum mencapai tempoh lengkap vaksinasi, tetamu **TIDAK** dibenarkan masuk ke dalam dewan. Tetamu yang sudah mencapai tempoh lengkap vaksinasi akan diperiksa suhu badan sebelum masuk ke ruang utama dewan. Tetamu yang dikesan mempunyai suhu melebihi 37.5°C **TIDAK** akan dibenarkan masuk ke dalam dewan.
9. Semua bakal graduan dan tetamu perlu mematuhi amalan **penjarakan fizikal**. Tempat duduk bakal graduan dan tetamu akan dijarakkan 1 meter diantara satu sama lain bagi tujuan pematuhan kepada SOP pencegahan *Covid-19*.

10. Semua bakal graduan dan tetamu perlu:
 - 10.1 Membawa cecair pembasmi kuman yang mencukupi;
 - 10.2 Mematuhi apa-apa arahan petugas keselamatan dan kesihatan ketika berada dalam kawasan dewan dan kampus;
 - 10.3 Mematuhi apa-apa arahan Petugas ketika berada di kawasan Dewan Tuanku Canselor dan di Pusat Sukan;
 - 10.4 Menghindarkan diri daripada hadir dan berada dalam kawasan Kampus serta mendapatkan rawatan dengan segera di fasiliti kesihatan terdekat sekiranya mempunyai sebarang gejala jangkitan COVID-19 seperti yang dihebahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
11. Semua bakal graduan dan tetamu perlu sentiasa menjaga SOP yang telah ditetapkan sepanjang Majlis Konvokesyen berlangsung bagi memastikan keselamatan dan perlindungan daripada jangkitan *Covid-19*.
12. Semua bakal graduan perlu mematuhi semua arahan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara dan USIM dari semasa ke semasa.